



JABATAN AIR NEGERI SABAH

NOTIS SEBUTHARGA

Adalah dipelawa para Kontraktor/Syarikat untuk membuat tawaran bagi Perolehan Kerja berikut :

No. Sebutharga	Tajuk Sebutharga	Kawasan	Kod/Bidang Bekalan/Perkhidmatan	Harga Dokumen & Tempat Bayaran	Taraf Sebutharga
JANS/SKN/2025/05(S)	Penggantian Electromagnetic (EM) Flowmeter Untuk LRA Sibuga Dan Tangki Simpanan, Sandakan	Sandakan	Berdaftar dengan PUKONSA yang masih SAH Kelas E Kepala IV Sub Kepala 6(a) dan Memegang perakuan pendaftaran CIDB yang masih sah serta Memiliki lesen tukang pasang sesalur yang dikeluarkan oleh Jabatan Air Negeri Sabah yang masih sah.	RM 35 Pembayar hendaklah dibuat secara tunai kepada penerima pembayaran: Kaunter Pungutan Hasil, Jabatan Air Sandakan	Terbuka kepada syarikat yang berdaftar di Sandakan sahaja

Tarikh Taklimat Sebutharga dan Lawatan Tapak	Taklimat Sebutharga Tarikh : 03.09.2025 Masa : 09.00 Pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Jabatan Lawatan Tapak Tarikh : 03.09.2025 Masa : 10.30 Pagi Tempat : LRA Hilltop, Sandakan Nota : 1. Taklimat Sebutharga & Lawatan tapak adalah Diwajibkan hadir pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti di atas. Dokumen Sebutharga tidak akan dikeluarkan kepada penyebutharga yang gagal menghadiri Taklimat Sebutharga dan Lawatan Tapak pada dan masa yang telah ditetapkan tersebut. 2. Hanya penama yang dinamakan di dalam sijil pendaftaran SPKK/PUKONSA sahaja ataupun mempunyai surat kuasa daripada pemilik syarikat (Surat Perwakilan) sahaja yang dibenarkan menghadiri Taklimat Sebutharga dan Lawatan Tapak bagi projek ini
Tarikh dan masa penjualan dokumen sebutharga	04.09.2025 – 11.09.2025 (Tempoh = 8 hari) Isnin – Khamis : 8.30 Pagi - 12.00 Tengahari 2.00 Petang - 3.00 petang Jumaat : 8.30 Pagi - 11.00 Pagi 2.00 Petang - 3.00 Petang
Tarikh dan masa tutup	11.09.2025 (Jam 10.00 Pagi)
Tempat memasukkan Dokumen Sebutharga	Peti SebuthargaTingkat 2, Jabatan Air Sandakan Jalan Sibuga 90000 Sandakan

1. Butir-butir adalah seperti yang dinyatakan dalam spesifikasi yang dilampirkan.
2. Dokumen Sebutharga hanya akan dijual kepada penyebutharga-penyebutharga yang namanya dinyatakan di dalam sijil **PUKONSA** atau wakil-wakil yang **SAH** sahaja dengan membawa '**SURAT TAULIAH**' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil dokumen bagi pihak syarikat. **Sijil asal** PUKONSA hendaklah ditunjukkan ketika hendak membeli dokumen Sebut Harga.
3. Semasa pembelian Dokumen Sebutharga, Penyebutharga-penyebutharga hendaklah mengemukakan **Sijil Asal** (untuk pengesahan) dan Salinan Fotostat (tidak akan dikembalikan) dokumen-dokumen berikut:
 - a. Sijil Pendaftaran Syarikat dari PUKONSA
 - b. Lesen Pemasang Sesalur Jabatan Air Negeri Sabah
 - c. Sijil CIDB
4. Bagi pemilik Lesen PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baru/Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:
 - a. Nama **Pemilik Syarikat** yang telah **DISAHKAN** oleh pihak **PUKONSA**.
 - b. Resit **ASAL** Penjelasan Pembayaran kelulusan.
5. Semua Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan serta bertanda nombor rujukan sebutharga dan dialamatkan kepada:
 - **JURUTERA AIR BAHAGIAN**
JABATAN AIR SANDAKAN
90000 SANDAKAN

" **MALAYSIA MADANI** "

" **BERKHIDMAT UNTUK NEGARA** "



BRANDON KA JEN HAU
JURUTERA AIR BAHAGIAN
JABATAN AIR SANDAKAN

-/SL

SABAH MAJU JAYA